

Perkongasian pintar beragenda

Daripada ZIN MAHMUD

MASERU (Lesotho) 9 Nov. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu gerakan perkongasian pintar memiliki agenda jelas untuk Pembangunan yang meliputi pembasmian kemiskinan serta pembinaan keupayaan dan modal insan.

Tiga perkara ini wajar menjadi rancangan jitu bagi menjana kemajuan berimbang dan meningkatkan daya saing antarabangsa, kata Abdullah dalam ucapannya di Dialog Antarabangsa Perkongasian Pintar Global 2005, di sini malam ini.

Katanya, dialog ini tidak harus hanya membina kerangka intelektual untuk mencapai agenda ini tetapi juga memeta bagaimana ia dapat dicapai melalui hubungan perkongasian pintar dan usaha kerjasama antara rakyat Negara anggota.

"Kita harus membincangkan secara jujur cara-cara menggerakkan sumber-sumber untuk menghubungkan sektor awam dan swasta merentasi sempadan dalam satu perkongasian besar bagi mendapatkan kaedah khusus daripada pelan strategik yang akhirnya mendatangkan hasil berfokus untuk meningkatkan kebajikan rakyat" ujarnya.

Dialog Maseru 2005 bermula hari ini hingga Sabtu dengan penyertaan 14 daripada 25 negara anggota Afrika. Pergerakan perkongasian pintar yang menggalakkan dialog dengan berlandaskan konsep menang-menang bermula di Langkawi 10 tahun lalu.

Bagi Perdana Menteri, dengan jangka waktu ini adalah sesuai untuk menilai kedudukan dan arah tuju perkongasian pintar bagi 10 tahun akan datang dan seterusnya.

Setelah menjadi tuan rumah kepada tujuh dialog antarabangsa serta secara penuh melibatkan diri dalam semua perhimpunan sejak 1995, menurutnya, Malaysia mempunyai komitmen untuk terus menyertai gerakan perkongasian pintar bagi menggemblengkan potensi yang masih be-



ABDULLAH Ahmad Badawi mengadakan perbincangan dengan Menteri Luar Lesotho, Monyane Molekiki sebaik sahaja tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Moshoeshoe. Lesotho semalam.

lum diambil manfaat khususnya berhubung peningkatan kerjasama bermakna antara rakyat dan kerajaan negara anggota.

Dalam hal ini, beliau mahu penekanan diberikan kepada membawa hasil perkongasian pintar ini kepada rakyat, melangkaui slogan dan pertemuan kerana dengannya, ia akan mendalami dan menguatkan gerakan perkongasian pintar ini.

"Kita mesti faham bahawa untuk membolehkan perkongasian pintar terus bergerak, rakyat mesti benar-benar dapat turut terlibat dan keadaan ini berlaku apabila hasil konkrit terserlah ekoran daripada proses dialog dan interaksi dalam perkongasian itu," ujar beliau.

Menurut Abdullah, proses ini tidak boleh hanya terhad kepada dialog tahunan. Ia mesti bermula dengan penglibatan jumlah rakyat yang mencapai tahap tertentu di Selatan Afrika dan lain-lain negara anggota dalam tempoh antara sidang dialog tahunan itu.

Beliau mencadangkan supaya dibangunkan pertukaran bermakna antara rakyat negara anggota dalam banyak bidang terfokus bagi membangun hubungan mesra dan jujur dalam jangka panjang merentasi sempadan dan pihak ketiga, yang akhirnya mewujudkan hubungan dan jaringan antara rakyat.

Abdullah mengingatkan bahawa menga-

dakan dialog tidak wajar dijadikan sebagai matlamat tetapi apa yang penting ialah proses di mana semua pihak wajar mengenali kelemahan dan daripada itu mencipta semula diri sendiri untuk terus menjadi relevan dalam persekitaran sosio-ekonomi dan politik global yang berubah cepat.

Maka perkara ini membawa persoalan apakah yang wajar dihasilkan oleh gerakan perkongasian pintar ini.

Dalam hal ini, beliau melihat dialog-dialog ini memerlukan fokus bagi memastikan negara anggota mencapai teras berimbang yang mana negara anggota memiliki pentas bersama untuk muafakat. - *Utusan*